

SABTU, 6 JUN 1987

## SENTHIASA WASPADA

**P**EMBERKASAN empat orang pesilat oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri membawa peringatan yang penting kepada setiap rakyat Singapura. Walau pun mereka hanyalah satu kumpulan yang kecil, namun usaha mereka menghebahkan berita palsu bahawa rusuhan kaum akan tercetus di sini boleh membawa padah yang buruk. Malah, mereka telah bersiap sedia untuk menghadapinya dengan peralatan senjata. Perbuatan mereka ini boleh menimbulkan prasangka yang buruk dalam suasana harmoni masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama Singapura. Di samping itu, perbuatan mereka itu juga menunjukkan bahawa unsur-unsur pelampau kaum di Singapura masih wujud meskipun detik-detik berdarah rusuhan kaum dalam 1950-an dan 1960-an telah lama meninggalkan kita.

*PENCARIC PULAT PERALATAN*

Ia juga menjadi satu peringatan kepada rakyat Singapura betapa pekanya masalah yang bersangkutan dengan hubungan kaum. Tanpa mengendalikannya dengan arif lagi hati-hati, isu perkauman dapat meletus pada bila-bila masa. Sering orang-orang yang mudah termakan hasutan menjadi mangsa kepada tercetusnya pertelingkahan kaum. Berdasarkan pengakuannya, ahli-ahli kumpulan silat itu telah ter dorong oleh hasutan atau maklumat yang salah tentang kemungkinan berlakunya satu rusuhan kaum. Mujurlah perbuatan mereka itu dapat segera di kesan.

*KESUBYERITAH CEN 12 OLM NG*

Dalam suasana masyarakat majmuk sama ada di negara maju atau pun negara sedang membangun seperti kita, sikap perkauman yang melampau adalah satu cabaran yang besar. Langkah yang paling wajar untuk mengikisnya ialah dengan mewujudkan suasana saling memahami, meyakini dan kerjasama demi kemajuan yang setara antara sebuah kaum dengan kaum yang lain. Integrasi sosial ini memanglah sukar dilaksanakan. Ia memerlukan masa dan kerjasama erat antara para pemimpin negara dan kaum-kaum. Dalam kita berusaha mewujudkan suasana sihat ini, kita juga perlulah sentiasa berwaspada dalam menghadapi kemungkinan munculnya kumpulan-kumpulan kaum yang melampau. Bagaimanapun, dalam jangka panjang, setiap individu yang cinta damai dan kemajuan, perlu bekerjasama untuk memastikan agar kumpulan-kumpulan seperti ini menjadi kumpulan yang tiada tempat dalam masyarakat berbilang bangsa kita.